

## SUMBANGAN SYEIKH ZAIN AL-'ABIDIN BIN MUHAMMAD AL-FATANI DALAM BIDANG PENTERJEMAHAN HADITH

### [THE CONTRIBUTION OF SHEIKH ZAIN AL-'ABIDIN BIN MUHAMMAD AL-FATANI IN THE FIELD OF HADITH TRANSLATION]

AB RAHIM ABDULLAH & NIK YUSRI MUSA<sup>1</sup>

<sup>1\*</sup> Pusat Pengajian Bahasa Dan Pembangunan Insaniah, Universiti Malaysia Kelantan, Karung Berkunci 36, Bharu, Taman Bendahara, 16100 Pengkalan Chepa, Kelantan, MALAYSIA

\* Corresponding Author: hakimrahman094@gmail.com

---

Received: 25 May 2021

Accepted: 6 June 2021

Published: 24 June 2021

---

**Abstrak:** Syeikh Zain al-'Abidin bin Muhammad al-Fatani adalah salah seorang daripada ulama Patani yang aktif berkarya. Karyanya yang sangat terkenal ialah Aqidah al-Najin dalam bidang usul al-din dan Kasyf al-Litham dalam bidang fiqh. Penulis telah memilih untuk mengkaji hadith dan menilai dan menganalisis hadith-hadith dalam salah satu karyanya yang tidak kurang hebatnya iaitu kitab Kasyf al-Ghaibiyyah yang membincangkan tentang kejadian adam, manusia, malaikat, kematian, alam kubur, tanda-tanda kiamat, padang mahsyar, surga dan neraka. Banyak hadith-hadith dikemukakan sebagai hujah disamping ayat-ayat dalam al-Quran. Tetapi hadith tersebut kebanyakannya tidak disertakan matan dan tidak dijelaskan statusnya sama ada sahih atau tidak sahih, sedangkan persoalan akhirat adalah persoalan akidah yang memerlukan dalil daripada sumber yang kuat dan sahih. Penulis telah mengkaji sebanyak dua ratus dua (202) hadith dalam kitab ini dimana seratus lima puluh sembilan (159) hadith atau lapan puluh peratus (80%) daripadanya adalah hadith yang diterjemahkan ke bahasa Melayu tanpa matan arabnya. Hanya empat puluh (40) hadith iaitu dua puluh peratus (20%) hadithnya disertakan matan dan terjemahannya dalam bahasa Melayu..

**Kata Kunci:** Syeikh Zain al-'Abidin Bin Muhammad al-Fatani. Ulama, Patani, Hadith

**Abstract:** Sheikh Zain al-'Abidin bin Muhammad al-Fatani is one of the prominent Patani scholars active in his work. His most famous works are Aqidah al-Najin in the field of Usul al-din and Kasyf al-Litham in the field of fiqh. The author chose to study the hadith, assess and analyze the hadiths in one of his well-known work, the book of Kasyf al-Ghaibiyyah, which discusses the creation of Adam, humans, angels, death, the barzakh, the signs of Doomsday, The Land of Gathering (Mahsyar), heaven and hell. Most hadiths are presented as adducing to the verses in the Qur'an. Nevertheless, most of the hadiths are not accompanied by their matan, and their status is not explained whether it is authentic or not authentic. At the same time, the question of the hereafter is a question of faith that requires evidence from trustworthy and authentic sources. The author has reviewed a total of two hundred and two (202) of the hadith in this book where one hundred and fifty-nine (159) hadith or eighty per cent (80%) of them is the hadith which translated into the Malay language without its Arabic matan. Only forty (40) hadiths, which is twenty per cent (20%), included hadiths' matan and its translation in Malay..

**Keywords:** Syeikh Zain al-'Abidin Bin Muhammad al-Fatani. Ulama, Patani, Hadith.

**Cite This Article:**

Ab Rahim Abdullah & Nik Yusri Musa. 2021. Sumbangan Syeikh Zain al-'Abidin bin Muhammad al-Fatani dalam bidang penterjemahan hadith [The contribution of Sheikh Zain al-'Abidin bin Muhammad al-Fatani in the field of hadith translation]. *QALAM International Journal of Islamic and Humanities Research*, 1(2), 101-108.

## PENGENALAN

Syeikh Zain al-'Abidin bin Muhammad al-Fatani lebih dikenali sebagai Tuan Minal. Beliau belajar al-Quran dan asas pendidikan Islam di kampung beliau sendiri sebelum menyambung pelajarannya di Pondok Bendang Daya. Kemudian beliau sambung lagi pelajarannya di Mekah. Setelah itu, beliau balik ke kampungnya dan membuka pondok di Kampung Bendang Badang. Kemudian beliau berhijrah ke Pulau Pinang dan membuka pondok di Kampung Sungai Dua, Seberang Prai, Pulau Pinang (Faizuri bin Abd Latif 2009). Syeikh Zain al-'Abidin berpindah ke Seberang Prai, Pulau Pinang dan membuka pondok di Kampong Sungai Dua kerana tidak mahu berdepan dengan tekanan daripada Kerajaan Siam pada ketika itu yang memperkenalkan Akta Pendidikan Sekolah Rendah 1921 yang mewajibkan pembelajaran di sekolah rendah Thai, meluaskan penggunaan bahasa Thai dan menghalang pembelajaran Bahasa Melayu.

Penguatkuasaan akta ini telah menyebabkan kemarahan orang Melayu yang bertindak keluar beramai-ramai membuat rusuhan. Kerajaan Thai telah bertindak balas dan mengambil tindakan keras dengan membunuh ramai pemimpin dan penduduk Islam selatan Thai. Keadaan di selatan Thai ketika itu dalam keadaan kacau bilau dan tidak selamat (Farid Mat Zain & Zulkarnain Mohamed 2008). Sepanjang abad ke-19 sehingga abad ke-20, telah berlaku perpindahan beramai-ramai, penduduk, pemimpin dan ulama daripada selatan Thai ke negeri-negeri di Semenanjung Malaysia akibat daripada huru-hara yang terjadi di selatan Thai ketika itu, termasuklah Syeikh Zain al-'Abidin yang memilih Kampung Sungai Dua, Seberang Prai, Pulau Pinang sebagai destinasi. Beliau membuka pondok baru dan mencurahkan ilmu-ilmu di dada di sini sehinggalah beliau meninggal dunia pada awal tahun 1910 (Ahmad Fathi al-Fatani 2001).

Syeikh Zain al-'Abidin adalah antara empat ulama Patani yang aktif menulis kitab. Kitab beliau telah dijadikan sebagai buku teks dalam pengajian tidak formal di Malaysia dan Nusantara. Kitab-kitab ini diulang cetak beberapa kali kerana permintaan yang tinggi daripada penduduk rantau sini (Hasan Madmaran 2001). Antara tokoh ulama yang menggunakan kitab karangan Syeikh Zain al-Fatani dan ulama Patani yang lain seperti Syeikh Daud bin Abdullah al-Fatani ialah Tuk Kenali. Dalam bidang usul al-Din, selain kitab Faridah al-Faraaid, karangan Wan Ahmad al-Fatani, Tuk Kenali juga menjadikan kitab Aqidah al-Najin karangan Tuan Minal sebagai teks pengajian.

Dalam bidang fiqh pula selain kitab *Furu' al-masail* dan *Bughyah al-Tullab*, karangan Syeikh Daud al-Fatani, Tuk Kenali juga menggunakan kitab *Kasyf al-Litham*, karangan Syeikh Zain al-'Abidin sebagai teks pengajian. Ini menunjukkan bahawa Tuk Kenali mengiktiraf kealiman dan kepakaran Tuan Minal dalam penguasaan dalam ilmu-ilmu agama Islam (Abdullah al-Qari bin Haji Salleh 2008). Kitab karangan Tuan Minal seperti *Aqidah al-Najin* dan *Kasyf al-Litham* adalah kitab yang popular yang dijadikan buku teks dan bahan bacaan di banyak institusi Islam seperti di masjid, surau dan pondok-pondok (Wan Suhaimi Wan Abdullah 2016). Abad ke-19 dianggap sebagai zaman kemuncak penulisan bidang usuluddin dengan munculnya ulama-ulama tersohor daripada Patani seperti Syeikh Daud bin Abdullah al-

Fatani, Syeikh Ahmad Bin Muhammad Zain al-Fatani, Syeikh Muhammad bin Ismail Daud al-Fatani dan Syeikh Zain al-'Abidin bin Muhammad al-Fatani (Fauzi bin Deraman 1997).

Syeikh Zain al-'Abidin lebih banyak menulis dalam bidang usuluddin memandang keadaan umat Islam ketika itu yang masih kuat kepercayaan kepada alam mistik dan tasyul. Dalam penulisan kitab akidah, Tuan Minal ini membincarakan persoalan ini mengikut fahaman aliran Asya'irah dan mempromosikan fahaman ini. Tuan Minal adalah salah seorang tokoh ulama Melayu yang berasal daripada Patani yang lebih menonjol dalam bidang usuluddin. Kitab Aqidah al-Najin karangannya masih digunakan dan dijadikan rujukan dari dulu sehingga sekarang (Faizuri bin Abd Latif 2009).

### ***KITAB KASYF al-GHAIBIYYAH***

Kitab Kasyf al-Ghaibiyyah adalah satu-satu daripada karya Syeikh Zain al-'Abidin bin Muhammad al-Fatani. Kitab yang dikaji oleh penulis ini adalah sebuah kitab berbahasa Melayu dalam tulisan jawi yang diterbitkan oleh percetakan Maktabah wa Matba'ah Dar al-Ma'arif, Pulau Pinang tanpa tarikh percetakan dan penerbitan. Pengarang kitab ini menyatakan tiga kitab rujukan utamanya dalam bahasa Arab ketika menulis kitab ini. Kitab-kitab tersebut ialah Kitab Daqaiq al-Akhbar yang ditulis oleh Imam Abd al-Rahim bin Ahmad al-Qadhi, Kitab Durar al-Hisan yang ditulis oleh al-Suyuti dan Kitab Masyariq al-Anwar yang ditulis oleh Syeikh Hasan 'Adawi. Pengarang kitab ini menyatakan tujuan beliau mengarang kitab ini sebagai rujukan kepada orang ramai yang tidak menguasai bahasa Arab supaya dapat memahami kandungan kitabnya yang ditulis dalam bahasa Melayu terjemahan daripada kitab arab yang beliau rujuk. (Zain al-'Abidin bin Muhammad al-Fatani t.t.)

Pengarang kitab ini membahagikan kitab ini kepada sepuluh bab. Bab pertama membincangkan tentang kejadian ruh dan nur Muhammad. Bab kedua membincangkan tentang kejadian nabi Adam. Bab ketiga membincangkan tentang kejadian malaikat dan Malik al-Maut. Bab keempat membincangkan tentang bagaimana Malik al-Maut mencabut nyawa. Bab kelima membincangkan tentang suasana kubur semasa mayat dimasukkan dan kedatangan malaikat munkar dan nakir. Bab keenam membincangkan suasana ketika ruh keluar daripada badan. Bab ketujuh membincangkan tentang tanda-tanda kiamat. Bab kelapan membincangkan tentang suasana hari kiamat. Bab kesembilan membincangkan tentang neraka dan ahlinya. Bab kesepuluh membincangkan tentang surga dan ahli-ahlinya (Zain al-'Abidin bin Muhammad al-Fatani t.t.).

Dalam kajian dan penelitian penulis, pengarang telah mengemukakan sebanyak 209 hadith dalam kitab beliau ini. Tujuh puluh hadith daripadanya diambil daripada kitab Daqaiq al-Akhbar, enam puluh tujuh hadith daripada kitab Masyariq al-Anwar dan dua belas hadith daripada kitab Durar al-Hisan. Selain itu, penulis dapatkan enam puluh hadith diambil daripada sumber-sumber lain sebagai tambahan kepada tiga kitab rujukan utama beliau. Hadith-hadith yang dikemukakan ini dijadikan dalil dan hujah disamping ayat-ayat al-Quran sebagai sumber utama dalil dan hujahan apa yang dibincangkan dalam kitab beliau ini. Disamping itu, kata-kata sahabat turut dimuatkan sebagai tambahan maklumat kepada dalil dan hujah yang dikemukakan. Disamping itu, beberapa perkataan ulama muktabar turut dijadikan sandaran dalil dan hujah. Pengarang juga memetik beberapa mutiara ilmu daripada kitab-kitab terkemuka seperti Tafsir Jamal, tafsir Kazin, Tafsir Ma'alim al-Tanzil.

Dalam kitab ini, seperti kebanyakan ulama nusantara yang lain, Syeikh Zain al-'Abidin memasukkan terjemahan hadith dalam bahasa Melayu tanpa matan arabnya. Penulis dapati sebanyak seratus lima puluh Sembilan (159) atau kira-kira lapan puluh peratus (80%) daripadanya adalah terjemahan. Satu jumlah yang agak besar. Berkemungkinan beliau berbuat begitu untuk mengelak daripada kitabnya menjadi sebuah kitab yang besar. Lima puluh lima (55) hadith dinyatakan nama periwayatnya. Lima puluh hadith (50) disebut nama periwayat 'ali iaitu para sahabat. Enam (6) hadith disebut perawi dikalangan tabi'in dan tujuh (7) hadith, disebut nama ulama yang meriwayatkan hadith tersebut.

## **CONTOH HADITH DAN TERJEMAHAN DALAM KITAB KASYF *al-GHAIBIYYAH***

### 1. Contoh hadith pertama

Sabda Nabi SAW:

كَانَ اللَّهُ وَلَا شَيْءٌ مَعَهُ

Ertinya, "Adalah Allah Taala dan tiada suatu sertanya". (Zain al-'Abidin bin Muhammad al-Fatani t.t.).

Dalam hadith ini, pengarang telah membawa hadith ini dengan matan Arabnya bersama dengan terjemahannya dalam bahasa Melayu tetapi perawi dan status kedudukan hadith ini tidak dinyatakan. Setelah diteliti dan dikaji, hadith yang terdapat dalam halaman enam ini terdapat dalam sahih Bukhari (Bukhari Muhammad bin Ismail 1422H). Dalam kitab Sahih Bukhari, *Kitab Bad-u al-Khalq, bab Ma Jaa fi Qaulihi Taala Wahy al-Ladhi Yabda-u al-Khalq Thumma Yu'idhu*, hadith no. 3191. Hadith lengkapnya adalah seperti berikut.

اقبلاوا البشري يا اهل اليمن، إذ لم يقبلها بنو تميم. قالوا : قد قبلنا يا رسول الله. قالوا : جئناك نسألك عن هذا الامر . قال : كان الله ولم يكن شيءٌ غيره ، وكان عرشه على الماء و كتب في الذكر كل شيءٍ و خلق السموات والأرض.

Hadith riwayat 'Imran bin Husain ini dinilai sahih. Ibn Hajar al-'Asqalani dalam huraianya berkaitan hadith ini, menjelaskan tentang keesaan dan ketunggalan Allah SWT sebelum mencipta arasy, langit dan bumi dan makhluk-makhluk yang lainnya. Beliau juga menjelaskan tentang penambahan pada hadith ini seperti yang disebut oleh Ibn Taimiyah adalah penambahan yang tidak ada asalnya dan tidak terdapat dalam mana-mana kitab hadith (Ibn Hajar al-'Asqalani Ahmad bin Ali 1379H). Ibn Taimiyah mempertikaikan berkenaan dengan tambahan pada hadith ini yang terdapat pada setengah-setengah kitab-kitab agama terutamanya yang berkaitan dengan tasawuf, tambahan pada hadith tersebut, tidak terdapat dalam sahih Bukhari dan ia adalah semata-mata rekaan dan ciptaan golongan mulhid. Tambahan yang dimaksudkan itu ialah: **و هو الان على ما عليه كان**

Mengikut Ibn Taimiyah lagi, golongan mulhid ini berpegang kepada hadith palsu ini. Ulama hadith telah sepakat mengatakan tambahan pada hadith ini palsu dan rekaan semata-mata. Tambahan ini tidak diriwayatkan oleh mana-mana perawi dan tidak terdapat dalam sanad mana-mana hadith. Ia adalah ciptaan dan rekaan golongan jahmiyyah dan mulhid (Ibn Taimiyyah al-Harrani Ahmad bin Abd al-Halim 1416H).

Walau bagaimanapun, tambahan pada hadith yang dipertikaikan ini tidak terdapat dalam kitab Kasyf al-Ghaibiyyah yang dikaji oleh penulis. Hadith yang dikemukakan oleh pengarang dalam kitab ini adalah sebahagian daripada hadith sahibh riwayat Bukhari. Hadith ini juga diriwayatkan oleh Ahmad dalam *bab Awal Musnad Basariyyin, hadith ‘Imran bin Husain, hadith* no: 19456(Ahmad bin Hanbal Ahmad bin Muhammad al-Syaibani 1416H) dan al-Baihaqi dalam Kitab al-Sair, bab Mubtada’ al-Khalq. Hadith no: 16214 (al-Baihaqi Ahmad bin Husain bin Ali 1344H).

## 2. Contoh hadith kedua

Firman Allah Taala di dalam hadith Qudsi.

كنت كنزاً مخفياً فأحببت أن أعرف فخلقت الخلق لا عرف

Ertinya: “Adalah aku perbendaharaan yang tersembunyi dan aku kehendak akan diperkenalkan daku, maka aku jadikan segala makhluk supaya dikenalnya akan daku (Zain al-’Abidin bin Muhammad al-Fatani t.t.).

Seperti hadith yang pertama di atas, hadith ini dibawa oleh pengarang kitab ini matan Arabnya serta dengan terjemahannya dalam bahasa Melayu tetapi perawi dan status hadithnya tidak dinyata dan dijelaskan.

Setelah diteliti dan dikaji, penulis tidak menjumpai hadith ini dalam mana-mana kitab hadith yang muktabar. al-Ajluni, dalam Kasyf al-Khafa’ menyatakan hadith ini dinilai maudu’ oleh ibn Taimiyyah kerana hadith ini tidak ada sanad dalam mana-mana kitab yang membawa hadith ini. Katanya lagi, hadith ini masyhur dikalangan golongan sufi. Hadith ini juga dinilai maudu’ oleh Suyuti, al-Zarkasyi dan Ibn Hajar (al- ‘Ajluni t.t.). al-Qaradhawi, 1989, turut menggesa umat Islam supaya tidak menjadikan hadith ini sebagai dalil dan hujah kerana ia bertaraf maudu’. Katanya lagi walaupun hadith ini dianggap sahibh oleh tokoh sufi iaitu Ibn ‘Arabi walaupun mengakui hadith ini tidak ada sanad tetapi ia tetap palsu.

Akan tetapi, al-Qaradhawi berpendapat walaupun ada golongan yang menolak dan memperlehkan ahli sufi yang banyak mengamalkan amalan berdasarkan hadith da’if dan maudu’, tetapi jasa dan pengorbanan ahli sufi terdahulu dalam menyebarkan dan mengamalkan Islam secara konsisten telah mempengaruhi dan memberi kesan yang besar kepada umat Islam, tidak boleh dinafikan dan dipertikaikan oleh mana-mana pihak. Malah katanya, terdapat golongan sufi dari kalangan salaf al-Saleh yang berjaya mengisi kekosongan jiwa umat Islam dengan hakikat keimanan yang benar, akhlak yang mulia lagi terpuji dengan hati yang bersih dan ikhlas. Mereka sentiasa beramal dengan amalan yang selari dan bertepatan dengan al-Quran dan al-Sunnah. Janganlah dengan adanya sebahagian daripada ahli sufi yang tersasar dan menyimpang dari jalan yang benar dan melampau-lampau dalam fahaman kesufiannya

menjadikan kita menolak ahli sufi secara total. Ambil yang benar, buang yang salah (al-Qaradhawi Yusuf 1989).

### 3. Contoh hadith ketiga

Sabda Nabi SAW:

أول ما خلق الله تعالى نوري أو روحى

Ertinya, “Yang awal-awal barang yang suatu dijadikan Allah Taala itu, nur ku. Pada satu riwayat, ruh ku” (Zain al-’Abidin bin Muhammad al-Fatani t.t.).

Seperti hadith-hadith di atas, hadith ini juga dibawa oleh pengarang dengan matan arabnya serta dengan terjemahannya dalam bahasa Melayu tanpa perawi dan penerangan tentang status hadithnya.

Penulis tidak menjumpai hadith ini dalam mana-mana kitab hadith yang muktabar. Kata al-Ajluni, hadith ini diriwayatkan oleh Abd al-Razzaq daripada Jabir bin Abdullah. Hadith ini dinilai oleh pentahqiq kitab Kasyf al-Khafa’, Yusuf bin Mahmud sebagai hadith maudu’. Katanya lagi hadith ini dinilai maudu’ oleh al-Suyuti kerana terdapat rawi yang tidak sahif dalam sanadnya (al- ‘Ajluni t.t.).

Kata al-Albani, hadith ini telah dijadikan dalil dan hujah untuk menguatkan konsep nur Muhammad yang dipegang oleh sebahagian ahli sufi. Kata beliau lagi, konsep nur Muhammad ini tidak benar, salah dan menyeleweng daripada kebenaran dan bertentangan dengan akidah ahli al-Sunnah wa al-Jama’ah. Hujahnya ialah Nabi Muhammad dijadikan daripada sesuatu yang berasal daripada tanah, sama seperti manusia lain, bukan daripada nur seperti yang didakwa. Hanya Malaikat sahaja yang dijadikan daripada nur sebagaimana yang terdapat keterangannya dalam al-Quran (al-Albani Muhammad Nasir al-Din bin al-Haji Nuh 1412H/ 1992). Kata al-Syaqiri, hadith ini adalah hadith rekaan ahli sufi yang sesat seperti al-Jilli dalam kitabnya al-Insan al-Kamil (al-Syaqiri Muhammad bin Ahmad Abd al-Salam t.t.). al-Qaradhawi turut berpendapat hadith yang menyatakan makhluk yang paling awal dicipta ialah nur Muhammad adalah hadith yang tidak ada kebenarannya. Hadithnya tidak sahif. Malah katanya, tidak ada satupun hadith sahif berkaitan dengan makhluk yang paling awal diciptakan oleh Allah. Hadithnya saling bertentangan antara satu sama lain. Ada yang mengatakan al-Qalam, ada yang mengatakan akal. Ada yang mengatakan nur Muhammad. Nabi Muhammad dicipta daripada air sama seperti manusia yang lain, bukannya daripada nur seperti yang didakwa dalam kisah maulid nabi dalam kitab al-Barzanji yang selalu dibaca oleh umat Islam dalam perayaan Maulid nabi (al- Qaradhawi Yusuf 1989).

## KESIMPULAN

Tidak dinafikan bahawa Syeikh Zain al-’Abidin adalah seorang ulama yang banyak berjasa kepada umat Islam dengan kitab-kitab karangan beliau yang menjadi teks pengajian agama di rantau asia tenggara amnya dan dinegara kita, Malaysia, khasnya. Kitabnya seperti Aqidah al-Najin, Kasyf al- Litham dan Kasyf al-Ghaibiyah adalah antara kitab karangan beliau yang

menjadi rujukan umat Islam dari dulu lagi sehingga sekarang. Kitab-kitab beliau telah dijadikan teks pengajian di Pondok Kenali oleh sahabatnya sendiri iaitu Tuk Kenali, seorang ulama yang terkenal di Kelantan. Sumbangannya dalam hadith dapat dilihat dalam ketepatannya dalam menterjemahkan maksud hadith tersebut daripada bahasa Arab ke bahasa Melayu. Tidak terdapat kritikan dan bantahan daripada mana-mana ulama yang mempertikaikan terjemahan tersebut dalam mana-mana artikel oleh sarjana Islam. Apa yang menjadi kritikan sarjana ialah tentang pencampuran status hadith yang terdapat dalam kitab-kitab jawi oleh pengarangnya. Hadith-hadith sahih, daif dan palsu dimasukkan dalam karangan ulama nusantara tanpa menjelaskan statusnya menyebabkan orang awam menyangka kesemua hadith tersebut adalah sahih dan benar belaka. Tetapi apabila diteliti dan dikaji, kedapatan hadith yang da'if, malah lebih buruk lagi yang palsu telah dijadikan dalil dan hujah dalam perkara akidah dan syari'at. Seperti ulama nusantara yang lain, Syeikh Zain al-'Abidin juga tidak terkecuali. Dalam kitab Kasyf al-Ghaibiyah ini juga termuat hadith yang da'if dan hadith yang tidak ada asalnya dan tidak dijumpai dalam kitab-kitab hadith yang muktabar. Sedangkan perkara yang dibincangkan dalam kitab ini adalah perkara yang berkaitan dengan akidah iaitu kepercayaan kepada hari akhirat dan perkara-perkara ghaibiyyah dan sam'iyyat yang memerlukan hadith yang sahih sebagai dalil dan hujah. Oleh itu, usaha sarjana Islam mengkaji balik hadith-hadith yang terdapat dalam kitab jawi haruslah diteruskan dan pertingkatkan lagi agar umat Islam dide dahakan dengan dalil yang benar lagi sahih. Usaha memurnikan kitab-kitab jawi daripada hadith palsu tidak bermaksud memperlekehkan dan menidakkannya kesarjanaan dan keilmuan ulama silam tetapi untuk memastikan kitab-kitab karangan ulama silam bersih daripada penggunaan dalil dan hujah yang tidak diterima oleh syari'at itu sendiri.

## RUJUKAN

- Abdullah al-Qari Salleh (2008). *Detik-detik Sejarah Hidup Tuk Kenali*. Kuala Lumpur, al-Hidayah Publication.
- Ahmad bin Hanbal Ahmad bin Muhammad al-Syaibani (1416H). *Musnad al-Imam Ahmad bin Hanbal*. Qahirah, Dar al-Hadith.
- Ahmad Fathi al-Fatani (2001). *Pengantar Sejarah Patani*. Kelantan, Pustaka Aman Press.
- al-'Ajluni, I. b. M. (t.t.). *Kasyf al-Khafa' wa Mazil al-Albas*. t.t., Maktabah al-'Ilm al-Hadith.
- al-Albani Muhammad Nasir al-Din bin al-Haji Nuh (1412H/ 1992). *Silsilah al-Ahadith al-Sahihah*. Riyadh, Arab Saudi, Maktabah al-Ma'arif.
- al-Baihaqi Ahmad bin Husain bin Ali (1344H). *al-Sunan al-Kubra*. Haidar Abad, Hind, al-Ma'arif al-Nizamiyyah.
- Bukhari. Muhammad bin Ismail (1422H). *Sahih Bukhari*. Lubnan, Dar Tuq al-Najat.
- Faizuri Abd Latif (2009). Pemikiran Tuan Minal dalam Akidah Ketuhanan: Kajian Terhadap Kitab 'Aqidah al-Najin. Akademi Pengajian Islam. Kuala Lumpur, Universiti Malaya. PhD.
- Farid Mat Zain & Zulkarnain Mohamed (2008). *Muslim Selatan Thai: Konflik dan Perjuangan*. Shah Alam, Selangor, Karisma Publications.
- Fauzi Deraman (1997). *Kedudukan Hadith dalam Kitab-Kitab Jawi: Satu Kajian Terhadap Karya-karya Syeikh Dawud bin Abdullah al-Fataniy*. Kuala Lumpur, Universiti Malaya. PhD.

- Hasan Madmaran (2001). *Pondok dan Madrasah di Fatani*. Bangi, Selangor, Penerbit UKM.
- Ibn Hajar al-'Asqalani Ahmad bin Ali (1379H). *Fath al-Bari Syarh Sahih al-Bukhari*. Beirut, Dar al- Ma'rifah.
- Ibn Taimiyah al-Harrani Ahmad bin Abd al-Halim (1416H). *Majmu' al-Fatawa*. Madinah, Majma' al-Mulk Fahd.
- al-Qaradhawi Yusuf (1989). *Fatawa Mu'ashirah*. Kuwait, Dar al-Qalam.
- al-Syaqiri. Muhammad bin Ahmad Abd al-Salam (t.t.). *al-Sunan wa al-Mubtadi'at* t.tp., Dar al-Fikr.
- Wan Suhaimi Wan Abdullah (2016). "Beberapa Aspek Epistemologi al-Syaikh Zayn al-'Abidin bin Muhammad al-Fatani: Satu Penelitian Awal Terhadap Karyanya 'Aqidah al-Najin fi 'Ilm Usul al- Din." *Aqidah dan Pemikiran Islam* 2.
- Zain al-'Abidin bin Muhammad al-Fatani (t.t.). *Kasyf al-Ghaibiyyah*. Sungai Pinang, Pulau Pinang, Maktabah wa Matba'ah Dar al-Ma'arif.